



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

---

**KEMALANGAN MAUT PEKERJA LOMBONG EMAS HARAM**

**Yan, 23 Mac** – Pada 22 Mac 2020 jam 4.30 petang, dua orang pekerja telah tertimbus di kaki gunung Jerai. Sehubungan itu, Kementerian menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Kedah telah menjalankan siasatan pada 23 Mac 2020, jam 8.30 pagi. Siasatan mendapati kedua-dua mangsa maut tertimbus tanah yang runtuh akibat aktiviti perlombongan emas haram yang dijalankan secara persendirian di sini. Merujuk kepada Peraturan 6 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004, Pengecualian Daripada Kehendak Peraturan 5 Bagi Orang Yang Bekerja Sendiri, menyatakan bahawa terdapat pengecualian melaporkan kemalangan kepada JKKP bagi orang yang bekerja sendiri yang cedera di premis yang dipunyai atau dihuni olehnya. Oleh yang demikian, kemalangan ini tidak perlu dilaporkan kepada pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

###

**Sekian, terima kasih.**

**Dikeluarkan Oleh:**

**Kementerian Sumber Manusia**

**23 Mac 2020**

---

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP/DOSH) merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967. JKKP/DOSH bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan pelbagai sektor.